



SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN	MUKA SURAT	: 10
TARIKH	: 25/12/2019		
JABATAN	: SPAN / AIR SELANGOR		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Bekalan air pulih 79.5 peratus



Penduduk Pangsapuri Sri Tanjung USJ 8, Subang, Halimah Hatomik, 53, (dua dari kiri) dibantu petugas Air Selangor untuk mengangkat bekas tadahan air berikutan gangguan bekalan air yang berlaku semalam. Gambar kecil: Abdul Halem.



**Tempoh pemulihan
bekalan air di Selangor
mungkin selesai lebih awal
daripada tarikh jangkaan**

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SHAH ALAM

Pemulihan bekalan air di empat wilayah yang terjejas di Selangor berikutan pencemaran bau di Sungai Semenyih sejak Sabtu lalu mencapai tahap sebanyak 79.5 peratus sehingga jam 6 petang semalam.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, berdasarkan bacaan semasa, pihaknya menjangkakan tempoh pemulihan sepenuhnya mungkin dapat dilakukan lebih awal daripada yang dijangkakan.

Menurutnya, Air Selangor mengambil segala inisiatif bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan air berkenaan.

"Peratus pemulihan bekalan air di wilayah Hulu Langat kini mencapai sebanyak 98.8 peratus, manakala wilayah Petaling kini mencapai tahap sebanyak 81 peratus pulih.

"Bekalan air di wilayah Sepang dan Putrajaya kini mencapai tahap sebanyak 85.6 peratus pulih, manakala gangguan bekalan di wilayah Kuala Langat kini telah pulih pada tahap 25 peratus," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Halem berkata, bantuan lori tangki dan lori tangki jumbo yang digerakkan ke kawasan yang terjejas telah ditambah menjadikan jumlahnya masing-masing sebanyak 73 buah dan 20 buah.

Menurutnya, sebanyak 10 pusat khidmat setempat (PKS) masih beroperasi selama 24 jam, selain sebanyak 50 tangki statik dan 19 lokasi pili awam masih disediakan di kawasan yang terjejas.

"Sebanyak 10,548 botol air minuman berkapasiti lima liter juga terus diedarkan kepada pengguna terutama di kediaman bertingkat.

"Air Selangor memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami pengguna. Mereka yang ingin mendapatkan perkembangan terkini berhubung gangguan ini boleh terus merujuk aplikasi telefon pintar Air Selangor, Facebook dan Instagram Air Selangor atau layari laman sesawang kami di www.airselangor.com.

"Pihak Air Selangor sentiasa mengemaskini maklumat dari masa ke masa untuk kemudahan pengguna," katanya.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan sebanyak 328,957 akaun pengguna di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air sejak Sabtu lalu ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang menjadi sumber air mentah terpaksa dihenti tugas sepenuhnya ekoran insiden pencemaran berkenaan.

Jumlah akaun pengguna yang terjejas bertambah kepada 336,930 akaun apabila LRA Bukit Tampoi yang menerima sumber air mentah dari Sungai Semenyih turut dihentikan operasi sejak Ahad lalu.